

03 OCT 2002
Samsudin-SSM
KAKITANGAN AWAM DISERU TERIMA SSM

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Semua kakitangan awam hari ini diseru supaya menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM), menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) kerana ia lebih terkini dalam semua perkara terutama yang melibatkan kebajikan kakitangan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman berkata semua kakitangan awam diberi tempoh sebulan bermula 1 Oktober untuk membuat pilihan, sama ada mahu menerima SSM atau kekal di bawah SSB.

Beliau berkata SSM yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 November depan setakat ini menerima maklumat balas yang amat menggalakkan dari semua pihak yang terlibat.

"Saya memang menasihatkan agar semua anggota awam menerima SSM kerana walaupun hendak diubah, maka ia akan diubah kepada sistem yang baru dan SSM juga lebih terperinci berbanding SSB yang agak ketinggalan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah pada Majlis Tinta Kencana 2002 di sini hari ini.

Beliau berkata pihaknya juga tidak memahami dengan jelas mengenai kerisauan sesetengah kakitangan awam yang tidak berpuas hati kerana pergerakan gaji mereka secara menegak dan melintang tidak lagi diambil kira di dalam SSM.

"Saya tidak begitu faham apa yang mereka maksudkan dengan itu kerana pergerakan gaji secara melintang dan menegak masih lagi dilaksanakan pada tahun lepas dan sekarang.

"Sudah tentu kita tidak boleh melaksanakan cara itu dalam SSM kerana kaedah di dalam SSM membolehkan semua orang merasai kenaikan gaji dan pangkat berdasarkan kepada prestasi masing-masing," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Julai lepas mengumumkan pelaksanaan SSM, berkuatkuasa 1 November setelah mengadakan pertemuan dan mesyuarat dengan wakil-wakil dari Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Di bawah SSM, jadual gaji semua kakitangan awam akan melibatkan tambahan satu mata gaji kepada mata gaji maksimum. Ini bermakna jadual gaji akan berubah dari mata gaji 1-26 sekarang kepada 1-27 sekali gus membuka lebih peluang kepada kenaikan pangkat.

Terdahulu, dalam majlis Tinta Kencana, Samsudin menyampaikan hadiah kepada para pemenang sembilan kategori yang dipertandingkan menerusi pelbagai acara kebahasaan dan kesusasteraan.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Anugerah Ceria Bahasa, Anugerah Laporan Badan Berkanun dan Peraduan Mengarang Esei yang dibahagikan kepada tujuh peringkat iaitu sektor kerajaan pusat, Angkatan Tentera Malaysia, sektor badan berkanun, sektor kerajaan negeri, universiti dan maktab perguruan, sekolah menengah dan sekolah menengah persendirian Cina.

Anugerah Ceria Bahasa 2002 dimenangi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur manakala Suruhanjaya Sekuriti memenangi tempat pertama bagi Anugerah Laporan Tahunan Terbaik Badan Berkanun 2002.

-- BERNAMA
SOP ZS ROS